

# Buang bayi

Sinar Harian

9/1/17.

mls 40

## dalam longkang

Jurutol direman, dilihat lap darah pada cermin tandas

**KAJANG** - Seorang jurutol wanita ditahan reman empat hari bagi membantu siasatan berhubung kes seorang bayi yang baru dilahirkan ditemui dalam longkang berhampiran pejabat Plaza Tol Bukit Kajang, Kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang, Superintendan Mohd Sabri Abdullah berkata, wanita terbabit ditahan sejurus Unit Peronda Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang (Silk) melihat dia mengelap darah pada cermin tingkap tandas wanita ketika kejadian.

"Keadaan bayi tersebut bertambah baik setelah dibawa ke Hospital Kajang," katanya.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.40 petang itu, Unit Peronda Lebuhraya Silk terdengar tangisan bayi selepas menukar tayar kenderaan di pejabat berkenaan.



Keadaan bayi yang ditemui dalam longkang kini sihat.

Kakitangan Peronda Lebuhraya Silk terbabit kemudian memaklumkan kejadian kepada polis dan Hospital Kajang, sebelum ambulans dihantar ke lokasi kejadian.

Pembantu perubatan Hospital Kajang terpaksa memotong tali pusat dan uri

bayi itu sebelum dibawa ke hospital.

Kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan atas kesalahan membuang bayi yang boleh dikenakan hukuman penjara tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.